



KENYATAAN MEDIA

NRES SEDIA ADA KELUARKAN SOP NR-REE MANAKALA EKSPLORASI REE BAWAH BIDANG KUASA KERAJAAN NEGERI

Susulan laporan media mengenai kenyataan YAB Menteri Besar Kedah tentang dakwaan ada pihak mengisytihar Unsur Nadir Bumi (REE) sebagai lanthanide dan dieksport secara haram, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) ingin menjelaskan bahawa lanthanide merupakan sekumpulan 15 unsur yang dikategorikan sebagai REE. Mengikut rekod Jabatan Mineral dan Geosains Kedah/ Perlis/ Pulau Pinang (JMGKPP), setakat ini tiada syarikat yang mendapat kelulusan dengan menggunakan istilah lanthanide di negeri Kedah.

Berhubung gesaan supaya Kerajaan Persekutuan segera mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk eksplorasi REE, Kementerian ingin menegaskan bahawa aspek eksplorasi REE adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Bagi Negeri Kedah, ia merupakan aktiviti yang dikawal di bawah Seksyen 41, Enakmen Mineral Kedah 2004 melalui Lesen Mencari Gali dan Lesen Menjelajah.

Kementerian sebelum ini telah menyediakan SOP Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di Malaysia dan mengedarkannya kepada Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 20 Disember 2023. SOP tersebut merangkumi aspek pra-perlombongan, semasa perlombongan dan pasca perlombongan termasuk aspek pemuliharaan kawasan bekas lombong dan pengeksportan. Walau bagaimanapun, Kementerian dimaklumkan bahawa pemakaian SOP tersebut masih dalam pertimbangan Kerajaan Negeri Kedah.

Melalui surat tersebut juga, Kementerian turut memaklumkan pelaksanaan moratorium aktiviti pengeksportan mentah REE sebagai inisiatif bagi membangunkan industri di peringkat pertengahan.

Namun demikian, pada masa ini penggerak projek perintis REE di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak yang dijalankan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak sebelum ini diberi kebenaran untuk mengeksport REE secara mentah dalam bentuk *rare earth carbonate* (REC). Kebenaran pengeksportan yang diberikan kepada pihak syarikat pada masa ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri untuk satu tempoh yang munasabah. Selain daripada itu, Kementerian tidak pernah meluluskan apa-apa kebenaran eksport seperti didakwa.

Bagi penguatkuasaan aktiviti perlombongan haram dan penyeludupan keluar unsur nadir bumi di Kedah, antara tindakan yang dilaksanakan oleh NRES melalui Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) adalah:

- a) Menjalankan pemantauan bersepadu bersama agensi Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Kedah, PERHILITAN dan lain-lain di kawasan yang telah diluluskan Lesen Penjelajahan di Hutan Simpan Bukit Enggang, Sik Kedah;
- b) Pemantauan bersepadu bersama agensi JPNK, PDRM, PTG, PERHILITAN dan lain-lain di kawasan yang berpotensi REE di Kedah secara berkala dengan kekerapan enam bulan sekali dan juga secara mengejut jika ada keperluan; dan
- c) Pihak JMG turut menjalankan pemeriksaan dan semakan di pelabuhan sekiranya ada pengeksportan mineral.

Kementerian pada masa ini tidak berhasrat untuk membangunkan SOP khusus berkaitan pengeksportan REE kerana prosedur yang dilaksanakan pada ketika ini adalah memadai.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

29 OKTOBER 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

 nresmalaysia